

# Usia bukan halangan ke menara gading

(FOTO HIASAN)

Golongan berkerjaya, terutama dalam sektor industri perlu merebut peluang menyambung pengajian ke program yang memberi nilai tambah kepada ilmu dipelajari. Keperluan meningkatkan sijil akademik dalam bidang tertentu yang memerlukan kapakanan spesifik menuntut penjelajahan ilmu kemahiran tinggi ini tanpa henti.

Kita biasa mengikuti kisah graduan menyambung pengajian tidak kira, sama ada secara program pengajian jarak jauh atau pembelajaran separuh masa di universiti yang aktifnya, berjaya sampai di pentas konvesyen universiti sehingga mengenggam seputing jazah ketika mentiti usia emas.

Pasti waktu pengajian yang fleksibel, kelas hujung minggu atau selepas kerja dan kecanggihan teknologi pada masa kini membolehkan pelajar mengikuti pengajian secara maya dan peluang ini membolehkan sesiapa sahaja berpeluang untuk terus belajar sepanjang hayat.

Pembelajaran sepanjang hayat ialah agenda utama negara dalam memastikan masyarakat mendapat peluang pendidikan menentasi peringkat umur, latar belakang pendidikan dan lokasi pembelajaran. Kerajaan melihat pembelajaran sepanjang hayat sebagai inisiatif utama seperti digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian-Tinggi) dan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2011-2020.

Definisi pembelajaran sepanjang hayat berdasarkan Pelan Induk Pembudayaan PSH 2011-2020 ialah "Pembelajaran yang membabitkan mereka yang berusia di

## Komentar



Rosilavi Mat Jusoh

Pengurus Kanan Pengurusan Kanan Pembangunan Perniagaan & Penrosaran UMP Advanced

antara 15 hingga 64 tahun ke atas kecuali pelajar profesional". Dalam konteks ini, pelajar profesionalalah malah mereka yang belajar secara sepenuh masa di sekolah, kolej atau universiti dengan tujuan memperoleh kelayakan akademik atau kemahiran.

Takrifan umur ini juga berdasarkan umur produktif penduduk Malaysia, iaitu 15 hingga 64 tahun dan mereka yang berusia 64 tahun ke atas yang masih berupaya memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

Pembelajaran sepanjang hayat ditakrifkan juga sebagai pembangunan potensi manusia melalui proses solokong secara berterusan yang merangsang dan memperkasa individu untuk memperoleh segala pengetahuan, nilai, kemahiran dan pemahaman yang diperlukan sepanjang hidup mereka dan menggunakanannya dengan yakin, kreatif dan menarik.

### Warga kerja industri

UMP Advanced sudah mengorak langkah dalam usaha pembentukan dan pemerkasaan pembelajaran sepanjang hayat yang diterjemahkan dalam pelbagai produk penawaran program dijalankan



**Konsep pembelajaran sepanjang hayat** selari aspirasi negara untuk membangunkan masyarakat berilmu ke arah negara maju.

secara separuh masa atau eksekutif untuk warga kerja industri.

Usaha ini dilihat berdasarkan strategi Triple Track Approach oleh UMP Advanced iaitu merangkumi pelaksanaan program profesional/eksekutif, program perdana memperoleh kelayakan akademik atau kemahiran.

Program profesional atau eksekutif ialah program yang menyasarkan golongan industri pada hujung minggu dan dijalankan secara modulir. Ia direka khas mengikut keperluan industri berdasarkan beberapa bidang yang mendapat perintisan tinggi seperti petroleum dan gas, pembuatan, perladian, logistik dan elektrikal. Objektif utama pelaksanaan program itu ialah membenarkan pengiktirafan akademik kepada kumpulan sasaran yang mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam lapangan maasing-masing.

Bagi pelaksanaan program perdana pula, ia ditawarkan pada pe-

ringkat ijazah sarjana muda yang dijalankan secara hujung minggu.

Buat masa ini, program dijalankan di Kampus Universiti Melayu PAHANG (UMP) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang.

Penawaran secara fleksibel itu memberi peluang dan ruang bagi kumpulan sasar untuk meningkatkan tahap pendidikan lebih tinggi dan sesuai dengan ruang masa bagi yang sedang bekerja.

### Latihan kemahiran

Melalui strategi ketiga, program sosioekonomi yang dijalankan pada terbahagi kepada dua, iaitu program Latihan Kemahiran dan Latihan Keusahawanan, dan Latihan Kemahiran Akademik. Melalui penawaran program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan ini, UMP Advanced berjaya melatih dan mengelurkan usahawan melalui program yang dijalankan dan bersesuaian dengan taraf sosioekono-

mi penduduk sekitar UMP.

Program yang ditawarkan itu juga selaras hasrat menjadikan seorang pelajar atau golongan kerja sebagai pekerja mahir yang sering dituntut oleh pihak kerajaan dan bagi mempersiapkan warga kerja industri ke arah meningkatkan kemahiran mereka dalam mendepani cabaran dan ledakan Revolusi Perindustrian ke-4.

Peluang itu perlu direbut oleh warga kerja industri bagi meningkatkan peningkatan sosioekonomi selesa tamat pengajian. Denganerti kata lain, pembelajaran sepanjang hayat ialah peluang bagi pengetahuan dan kemahiran.

UMP Advanced sentiasa peka terhadap definisi dan konsep pembelajaran sepanjang hayat yang selari dengan aspirasi semasa negara untuk membangunkan masyarakat berilmu yang memacu negara bagi mencapai matlamatnya menjadikan negara maju.